

# Pertimbangan Dasar

## Sorotan

- Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3% pada mesyuarat MPC bulan Januari dan Mac 2025, dan juga pada mesyuarat MPC bulan Mei 2025 baru-baru ini.
- Secara berasingan, BNM telah melaraskan Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) bagi memudahkan bank-bank untuk menguruskan mudah tunai dan menyokong aktiviti pengantaraan kewangan.

## Dasar monetari kekal konsisten dengan penilaian semasa berhubung prospek ekonomi dalam negeri

MPC mengekalkan OPR pada 3% sepanjang suku pertama dalam mesyuarat MPC bulan Januari dan Mac 2025, dan juga pada mesyuarat MPC bulan Mei baru-baru ini.

Pada mesyuarat bulan Mei, penunjuk terkini menunjukkan pertumbuhan dan perdagangan global yang berterusan, disokong oleh permintaan dalam negeri dan aktiviti yang dipercepat (*front-loading activities*). MPC menilai bahawa prospek pertumbuhan global akan terus disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang positif, dasar monetari yang kurang ketat dan rangsangan fiskal. Walau bagaimanapun, langkah-langkah tarif yang diumumkan oleh AS dan tindakan balas telah melemahkan prospek pertumbuhan dan perdagangan global. Prospek ini kekal tertakluk pada ketidakpastian yang ketara, termasuk hasil rundingan

perdagangan dan ketegangan geopolitik. Ketidakpastian ini juga boleh menyebabkan volatiliti pasaran kewangan global yang lebih ketara.

Bagi Malaysia, kegiatan ekonomi terus berkembang pada suku pertama, didorong oleh permintaan dalam negeri yang mampan dan pertumbuhan eksport yang berterusan. Pada masa hadapan, ketegangan perdagangan yang semakin meruncing dan ketidakpastian dasar global yang ketara akan menjejaskan sektor luaran. Walau bagaimanapun, permintaan yang berterusan terhadap barangan elektrik dan elektronik serta perbelanjaan pelancong yang lebih tinggi akan menampung eksport. Secara keseluruhan, pertumbuhan dijangka berteraskan permintaan dalam negeri yang berdaya tahan. Pertumbuhan guna tenaga dan upah, khususnya dalam sektor berorientasikan dalam negeri, berserta langkah-langkah dasar berkaitan pendapatan akan menyokong perbelanjaan isi rumah. Pengembangan aktiviti pelaburan akan diteruskan oleh projek berbilang tahun yang dilaksanakan dalam sektor swasta dan awam, lebih banyak pelaksanaan berterusan pelaburan yang telah diluluskan serta inisiatif pemangkin yang terus dilaksanakan di bawah beberapa pelan induk nasional. Secara keseluruhan, MPC menilai bahawa imbalan risiko kepada prospek pertumbuhan cenderung untuk menjadi perlahan, berpunca terutamanya daripada ekonomi rakan-rakan dagangan utama yang semakin lembap susulan sekatan dan tindakan balas perdagangan, sentimen yang lebih lemah berikutan ketidakpastian yang lebih tinggi boleh menjejaskan perbelanjaan dan pelaburan serta pengeluaran komoditi yang lebih rendah daripada jangkaan. Sementara itu, hasil rundingan perdagangan yang menggalakkan dan dasar yang menyokong pertumbuhan di negara-negara maju serta aktiviti pelancongan yang lebih giat boleh meningkatkan prospek pertumbuhan Malaysia.

## Pertimbangan Dasar

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras masing-masing berpurata pada 1.5% dan 1.9% pada suku pertama tahun 2025. Secara keseluruhan, inflasi pada tahun 2025 dijangka kekal terkawal berikutan keadaan kos global yang sederhana dan ketiadaan tekanan permintaan dalam negeri yang berlebihan. Harga komoditi global dijangka terus menunjukkan trend menurun, lantas menyumbang kepada keadaan kos yang sederhana. Dalam persekitaran ini, kesan keseluruhan langkah-langkah pembaharuan dasar dalam negeri yang diumumkan terhadap inflasi dijangka terkawal. Risiko kepada inflasi akan bergantung pada tahap kesan limpahan langkah-langkah dasar dalam negeri serta perkembangan luaran berhubung dengan harga komoditi global, pasaran kewangan dan dasar perdagangan.

Prestasi ringgit akan terus didorong terutamanya oleh faktor luaran. Prospek ekonomi Malaysia dan pembaharuan struktur dalam negeri yang menggalakkan, berserta inisiatif yang sedang dilaksanakan untuk menggalakkan aliran dana, akan terus memberikan sokongan yang berterusan kepada ringgit.

Pada tahap OPR semasa, MPC berpandangan bahawa pendirian dasar monetari adalah konsisten dengan penilaian semasa tentang prospek inflasi dan pertumbuhan. Menyedari adanya risiko pertumbuhan menjadi perlahan dalam persekitaran ekonomi, MPC terus memantau perkembangan semasa bagi memaklumkan penilaian prospek inflasi dan pertumbuhan. MPC akan memastikan pendirian dasar monetari kekal kondusif untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam keadaan harga yang stabil.

### **Secara berasingan, BNM telah menurunkan nisbah SRR untuk memudahkan bank-bank menguruskan mudah tunai dan menyediakan sokongan berterusan untuk aktiviti pengantaraan kewangan**

Pada 8 Mei 2025, BNM mengumumkan bahawa nisbah SRR akan diturunkan sebanyak 100 mata asas, iaitu daripada 2% kepada 1%, berkuat kuasa 16 Mei 2025.

Keputusan untuk mengurangkan SRR akan memudahkan bank-bank untuk menguruskan mudah tunai dengan lebih baik dalam persekitaran volatiliti pasaran kewangan yang lebih tinggi serta menyediakan sokongan yang berterusan terhadap aktiviti pengantaraan kewangan. Penurunan SRR akan menambah mudah tunai bernilai kira-kira RM19 bilion ke dalam sistem perbankan.

SRR merupakan instrumen untuk menguruskan mudah tunai dan tidak memberikan isyarat tentang pendirian dasar monetari. OPR ialah satu-satunya penunjuk yang digunakan untuk memberikan isyarat tentang pendirian dasar monetari.